



JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI

KALI KE-222 BIL. 29/ 2026

**PEMAKLUMAN PENAWARAN KOLEJ KEDIAMAN UMPSA
(PENGUNAAN DATA ADAB POINT BAGI PENAWARAN KOLEJ KEDIAMAN
SESI AKADEMIK 2026/2027)**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Dimaklumkan bahawa proses penawaran Kolej Kediaman Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) bagi Sesi Akademik 2026/2027 adalah berdasarkan rekod ADAB Point yang telah disahkan sehingga **18 Jun 2026**. Penawaran ini dibuat menggunakan data yang tersedia pada tarikh tersebut selaras dengan pelaksanaan Sistem Mata Ganjaran (ADAB Point) sebagai salah satu instrumen rasmi universiti dalam urusan pemilihan penempatan Kolej Kediaman.

Sehubungan itu, sebarang penyertaan dalam program atau aktiviti serta pengemaskinian rekod ADAB Point yang dibuat selepas **18 Jun 2026** tidak akan diambil kira bagi tujuan penawaran Kolej Kediaman untuk sesi semasa. Rekod tersebut akan dipertimbangkan dalam proses penilaian bagi penawaran sesi berikutnya, tertakluk kepada dasar dan ketetapan universiti.

Tarikh tutup pengambilan data ini ditetapkan bagi membolehkan proses semakan, verifikasi dan pengesahan rekod ADAB Point dilaksanakan secara teratur, telus dan adil sebelum proses penawaran Kolej Kediaman dibuat.

Semua pelajar juga disarankan agar sentiasa menyemak rekod penglibatan masing-masing dan memastikan setiap program atau aktiviti yang disertai memenuhi syarat serta garis panduan pelaksanaan ADAB Point yang telah ditetapkan oleh universiti.

Sebarang pertanyaan berkaitan ADAB Point boleh dikemukakan kepada Akademi ADAB, Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA) melalui saluran rasmi universiti.

Kerjasama dan perhatian daripada semua pelajar amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

**Akademi ADAB
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Tarikh: 1 Julai 2026**



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH



PEMAKLUMAN

PENAWARAN KOLEJ KEDIAMAN



BAGI PENAWARAN KOLEJ KEDIAMAN,
DATA ADAB POINT ADALAH
MENGUNAKAN DATA PADA

18
JUN
2026

18 JUN 2026



Kerjasama dan perhatian anda
amat dihargai.

